

JABATAN KERJA RAYA**PERLANTIKAN KONTRAKTOR PENDAWAIAN TELEFON**(Untuk dipenuhi oleh Kontraktor Elektrik/
Kontraktor ICT)**1.0 Syarat-Syarat Perlantikan****1.1 Perkara Am**

Sekiranya Kontraktor Elektrik/ ICT tidak memenuhi syarat-syarat 1.2 dibawah, Kontraktor Elektrik/ ICT dikehendaki melantik satu Kontraktor Pendawaian Telefon (KPT) berkelayakan bagi kerja pemasangan pendawaian telefon dalam tendernya. Seterusnya jikalau tendernya berjaya dan KPT ini dipersetujui oleh Jabatan Kerja Raya, KPT ini hendaklah menjalankan semua pendawaian telefon ini dan juga apa-apa kerja perubahan jika ada.

1.2 Kontraktor Pendawaian Telefon (KPT) Yang Dilantik mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a). Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
 - i). Kategori = ME (Mekanikal dan Elektrikal)
 - ii). Pengkhususan = E07 (Sistem Telekomunikasi Dalaman) dan E08 (Sistem Telekomunikasi Luaran).
- b). Pendaftarannya mestilah masih dalam tempoh sah.
- c). Mestilah berpengalaman dalam bidang kerja yang berkenaan.

1.3

Berdasarkan perubahan kedudukan dalam pendaftaran KPT dengan CIDB yang mengakibatkan KPT ini tidak layak lagi untuk menjalankan kerja ini atau perkembangan yang lain yang didapati oleh Pegawai Pengguna projek ini bahawa KPT ini tidak sesuai lagi untuk menjalankan kerja ini ATAU kemajuan/mutu kerjanya yang didapati oleh Pegawai Pengguna projek ini tidak memuaskan, maka Pegawai Pengguna berhak menamatkan kerja KPT ini pada bila-bila masa dan seterusnya Kontraktor Elektrik/ ICT mestilah melantik KPT yang baru untuk meneruskan kerja ini TANPA PERBEZAAN HARGA. Perlantikan KPT ini adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengguna dan menepati syarat-syarat dalam perenggan 1.2 di atas.

1.4

Semua bahan yang digunakan untuk kerja pemasangan pendawaian hendaklah daripada jenis yang diluluskan oleh Telekom Malaysia, SIRIM, Jabatan Bomba dan Jabatan Kerja Raya.

2.0 Perakuan Kontraktor Elektrik/ ICT**2.1**

Saya telah membaca dan memahami Bahagian 1 di atas dan bersetuju mematuhi dan dengan ini melantik KPT tersebut di bawah untuk menjalankan kerja Pemasangan Pendawaian Telefon projek ini.

Saya juga memperakuan bahawa KPT yang dinamakan di bawah telah diberitahu mengenai projek ini serta syarat-syarat kontrak, penentuan, lukisan - lukisan berkenaan dan beliau telah bersetuju untuk menjalankan kerja ini sekiranya tender saya diterima kelak.

- a) Nama dan Alamat/Cop Rasmi KPT :

.....
.....
.....

- b) Salinan Sijil Pendaftaran KPT dengan CIDB disertakan. KEGAGALAN SAYA MENYERTAKAN SIJIL BOLEH MENYEBABKAN TENDER DITOLAK.

T/Tangan Kontraktor Elektrik/ ICT :

Nama Penuh :

Cop Rasmi :

Tarikh :